

PM ingatkan ahli2 UMNO jangan latah dengan provokasi

UM 29 MAR 1985

KOTA BAHARU 28 Mac - Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan ahli-ahli dan pemimpin UMNO supaya meneruskan sikap kesederhanaan mereka dan jangan mudah 'terjajah' dengan tanduk provokatif parti lawan khususnya PAS yang cuba menjatuhkan imej kerajaan sekarang.

Katanya, PAS sekarang melakukan bermacam taktik dengan menimbulkan berbagai tuduhan yang bukan-bukan terhadap kerajaan Barisan Nasional dengan tujuan menaikkan kemarahan di kalangan ahli UMNO supaya bertindak 'secara tidak tentu

hala' dan kehilangan sabar.

"Tetapi insya - Allah, selagi kita tetap mengamalkan sikap sederhana dan tidak mudah terlatah, kita akan dapat mengekalkan hidup dalam suasana harmoni, aman damai dan berjaya memenangi keyakinan rakyat seluruhnya," ujarnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir yang juga Presiden UMNO dan Presiden Barisan Nasional Malaysia mengingatkan ini semasa berucap di majlis makan malam di kediaman Menteri Besar yang juga Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan Datuk Haji Mohamad Yaakob ma-

lam tadi.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian selaku Pengerusi Barisan Nasional Kelantan Tengku Razaleigh Hamzah, Menteri Luar Tengku Ahmad Rithauddeen, Ketua Penerangan UMNO Malaysia Senator Haji Hussein Ahmad, para anggota Exco Kerajaan Negeri adalah antara hampir 3,000 orang yang hadir di majlis tersebut.

Perdana Menteri yang seterusnya mendedahkan banyak taktik yang digunakan oleh PAS untuk menjatuhkan UMNO dalam pilihanraya akan datang.

"Dengan sebab itu jika kita kurang berhati-hati

dan cepat melatah kita akan senang terjerumus ke dalam perangkap mereka yang tujuannya tidak lain dari menjejaskan prestasi UMNO untuk mempengaruhi orang ramai membencikan kita," katanya lagi.

Perdana Menteri berkata, kerana UMNO yang menerajui pemerintahan negeri ini bersikap sederhana, suasana aman damai dapat dkekalkan sejak negara ini mencapai kemerdekaan hampir 28 tahun ini.

"Inilah yang menimbulkan cemburu hati dan dengki kepada PAS, sekalipun mereka tahu mereka tidak akan berjaya memerintah negara ini atau sebahagian negeri

Pantai Timur yang didamkan mereka," katanya lagi.

Beliau memberi alasan sebab-sebab suasana di negara ini dapat dkekalkan dalam bentuk tenang dan harmoni adalah kerana UMNO umumnya bukan mengamalkan sikap taksub, angkuh dan lupa tanggungjawab terhadap rakyat.

"Tetapi mereka (PAS) tersilap faham kerana kita bersikap sederhana, kita cuba dkepungi dengan perbuatan melampau, yang mana kalau kita kurang perhitungan mendalam kita akan terlatah untuk bertindak balas terhadap mereka tidak tentu hala," katanya lagi.